

٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ أَعْرَابِيًّا جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ دُلِّي عَلَى عَمَلٍ إِذَا عَمِلْتُهُ دَخَلْتُ الْجَنَّةَ قَالَ تَعْبُدُ اللَّهَ لَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ الْمَكْتُوبَةَ وَتُؤَدِّي الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ قَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا أَرِيدُ عَلَى هَذَا شَيْئًا أَبَدًا وَلَا أَنْقُصُ مِنْهُ فَلَئِمَّا وَلَّى قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى رَجُلٍ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَلْيَنْظُرْ إِلَى هَذَا

7- Abu Hurairah meriwayatkan bahawa ada seorang `Arab Badwi datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu berkata, ajarkanlah daku suatu amalan yang bila aku lakukannya, aku akan masuk syurga. Baginda berkata, engkau mengabdikan diri kepada Allah<sup>50</sup> dalam keadaan tidak mempersekutukan apa-apa denganNya, mendirikan sembahyang fardhu, menunaikan zakat dan berpuasa di bulan Ramadhan. Orang itu berkata, demi Tuhan yang nyawaku berada di tanganNya, sekali-kali tidak akan kutambah dan kukurangi apa-apa (yang disebut Baginda s.a.w. itu). Apabila orang itu pergi, Nabi s.a.w. pun bersabda, sesiapa yang ingin melihat salah seorang ahli syurga, lihatlah orang ini.<sup>51</sup>

٨- عَنْ جَابِرٍ قَالَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ التُّعْمَانُ بْنُ قَوْثَلٍ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ إِذَا صَلَّيْتُ الْمَكْتُوبَةَ وَحَرَمْتُ الْحَرَامَ وَأَخْلَلْتُ الْحَلَالَ أَدْخُلُ الْجَنَّةَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ

8- Jabir meriwayatkan, katanya: Nu'man bin Qauqal<sup>52</sup> pernah datang bertanya Nabi s.a.w., katanya: "Wahai Rasulullah! Bagaimana kalau saya mendirikan sembahyang

---

hadapannya. g) Orang yang tidak tahu boleh menghalang orang yang tahu daripada melakukan kerja-kerjanya sehingga orang yang tahu itu memberitahu apa yang tidak di ketahuinya.

<sup>50</sup> Dengan menjunjung dan menta'ati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya.

<sup>51</sup> Rasulullah s.a.w. mengatakan begini kerana Baginda sudah pun mengetahui melalui wahyu bahawa orang itu akan menunaikan apa yang diiltizamkannya secara berterusan sehingga akhirnya dia masuk syurga. Orang yang diisyaratkan di dalam hadits ini termasuk di kalangan ahli syurga dengan kesaksian Nabi s.a.w. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Tidak salah melakukan ketaatan kerana ingin masuk syurga. (2) Hanya Allah dan RasulNya yang mengetahui cara untuk memasuki syurga. (3) Melakukan amalan-amalan yang wajib sahaja sudah memadai untuk memasuki syurga. (4) Tidak boleh bersikap melampau atau acuh tak acuh dalam mengerjakan kewajipan agama. (5) Adalah lebih baik tidak memuji seseorang itu di hadapannya. (6) Melalui wahyu daripada Allah, Nabi Muhammad s.a.w. dapat mengetahui seseorang itu sama ada ahli syurga atau ahli neraka ketika orang itu masih hidup lagi. (7) Untung rugi seseorang itu di akhirat nanti ditentukan oleh amalannya di dunia ini.

<sup>52</sup> Beliau ialah seorang Ahli Badar dan telah mati syahid dalam peperangan Uhud.

fardhu, mengharamkan apa yang haram dan menghalalkan apa yang halal,<sup>53</sup> adakah saya akan masuk syurga?” Jawab Nabi s.a.w.: “Ya”.

٩- عَنْ جَابِرٍ أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَرَأَيْتَ إِذَا صَلَّيْتُ الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوبَاتِ وَصُمْتُ رَمَضَانَ وَأَخْلَلْتُ الْحَلَالَ وَحَرَّمْتُ الْحَرَامَ وَلَمْ أَزِدْ عَلَى ذَلِكَ شَيْئًا أَأَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَالَ نَعَمْ قَالَ وَاللَّهِ لَا أَزِيدُ عَلَى ذَلِكَ شَيْئًا.

9- Jabir meriwayatkan bahawa ada seorang lelaki<sup>54</sup> bertanya Rasulullah s.a.w., katanya, bagaimana kalau saya mendirikan sembahyang fardhu, berpuasa bulan Ramadhan, mengharamkan apa yang haram dan menghalalkan apa yang halal. Saya tidak melakukan lebih dari itu.<sup>55</sup> Adakah saya akan (dapat) masuk syurga? Jawab Rasulullah: “Ya,”. Kata orang itu (seterusnya): “Demi Allah, tidak akan saya tambah apa-apa dari yang tersebut itu.”<sup>56</sup>

### باب بيان أركان الإسلام ودعائمه العظام

#### *Bab Tentang Rukun Islam Dan Tiang-Tiang Serinya*

١٠- عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسَةٍ عَلَى أَنْ يُؤَخَّذَ اللَّهُ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَصِيَامُ رَمَضَانَ وَالْحَجُّ فَقَالَ رَجُلٌ الْحُجُّ وَصِيَامُ رَمَضَانَ قَالَ لَا صِيَامَ رَمَضَانَ وَالْحُجُّ هَكَذَا سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

<sup>53</sup> Maksud ibarat ini ialah mempercayai haram apa yang haram, di samping tidak melakukannya. Berbeza dgn apa yang halal, ia hanya mesti dipercayai halal sahaja, tidak pula mesti anda melakukannya.

<sup>54</sup> Beliau ialah Nu'man bin Qauqal yang tersebut di dalam riwayat sebelum ini.

<sup>55</sup> Maksudnya ialah tidak melakukan amalan-amalan yang sunat.

<sup>56</sup> Mungkin sekali maksudnya ialah dia tidak akan melakukan amalan-amalan yang sunat, namun tidak pula akan mengabaikan mana-mana amalan yang fardhu atau wajib. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini dan hadits sebelumnya ialah:** (1) Mengerjakan sembahyang lima waktu adalah salah satu perkara yang membawa seseorang memasuki syurga. (2) Umat Islam diwajibkan berpuasa pada bulan Ramadhan. (3) Hanya amalan fardhu yang perlu dikerjakan untuk dapat memasuki syurga, amalan-amalan sunat bukanlah merupakan syarat untuknya. (4) Hanya Allah yang boleh menentukan halal haram, manusia hanya perlu mempercayainya. (5) Apa yang halal tidak semestinya dilakukan kesemuanya, mempercayainya halal sudah mencukupi. Apa yang haram pula mestilah dijauhi kesemuanya, tidak memadai sekadar mempercayainya haram sahaja.

10- Ibnu Umar meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: Islam itu dibangun di atas lima perkara. (Pertama) Tauhid (mengesakan Allah).<sup>57</sup> (Kedua) Mendirikan sembahyang.<sup>58</sup> (Ketiga) Memberi zakat.<sup>59</sup> (Keempat) Berpuasa di bulan Ramadhan<sup>60</sup> dan (kelima) Mengerjakan Haji.<sup>61</sup> Tiba-tiba Ada seorang lelaki<sup>62</sup> berkata: "Haji dan puasa bulan Ramadhan". Jawab Ibnu Umar: "Tidak! Puasa bulan Ramadhan dan Haji. Begitulah aku dengar daripada Rasulullah s.a.w."<sup>63</sup>

١١ - عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يُبْنَى الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ عَلَى أَنْ يُعْبَدَ اللَّهُ وَيُكْفَرَ بِمَا دُونُهُ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحَجُّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ.

11- Ibnu Umar meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: "Islam itu dibangun di atas lima perkara. (Pertama) Mentauhidkan Allah dan mengufuri selainNya. (Kedua) Mendirikan sembahyang. (Ketiga) Mengeluarkan zakat. (Keempat) Mengerjakan Haji ke Baitillah dan (kelima) Berpuasa di bulan Ramadhan.

<sup>57</sup> أَنْ يُؤَخَّدَ اللَّهُ bererti mengesakan atau mentauhidkan Allah. Ia bersesuaian dgn hadits ke 13 nanti. Di dalamnya tersebut شهادة أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah).

<sup>58</sup> Sembahyang ialah Ibadat Badaniyyah (berkait dengan tubuh badan). Ia boleh dilakukan sesiapa sahaja, sama ada miskin atau kaya.

<sup>59</sup> Zakat ialah Ibadat Maaliyyah (berkait dengan harta) semata-mata. Ia langsung tidak berkait dengan tubuh badan. Itulah alasan mazhab Syafi'e yang mewajibkan zakat ke atas kanak-kanak yang belum baligh. Alasannya ialah ia merupakan hak golongan tertentu dalam harta orang-orang kaya. Tidak kira sama ada ia seorang yang sudah baligh atau belum.

<sup>60</sup> Puasa ialah Ibadat Tarkiiyyah (bersifat meninggalkan), kerana ketika berpuasa anda perlu meninggalkan makan, minum, persetubuhan, ma'shiat dan sebagainya.

<sup>61</sup> Haji ialah Ibadat Badaniyyah dan juga Maaliyyah. Meletakkan perkataan puasa atau Haji dahulu atau kemudian tidak menjadi masalah. Tetapi meletakkan Puasa dahulu berbanding Haji lebih sesuai dari segi tertib (tasyri'inya), kerana Puasa dahulu yang mula-mula di syari'atkan, kemudian barulah Haji. Menurut sesetengah 'ulama' Haji baru di fardhukan pada tahun yang ke-6 atau ke-9). Kalau dilihat daripada segi kedudukan kedua-duanya sama-sama rukun Islam, sama penting dan sama wajib, maka tiada perbezaan antaranya. Mungkin juga orang berkenaan cuba mengingatkan Ibnu 'Umar tentang tertib sebenar hadits yang diketahuinya. Ibnu 'Umar pula menyebutkan apa yang didengarinya sendiri dari rasulullah s.a.w.

<sup>62</sup> Al-Hafidz Abu Bakar al-Khatib al-Baghdadi menyebutkan di dalam kitabnya Al-Asmaa' Al-Mubhamah bahawa lelaki itu ialah Yazid bin Bisyr As-Saksaki.

<sup>63</sup> **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Keistimewaan 'aqidah tauhid. (2) Amanah dalam menyampaikan ilmu. (3) Kepentingan menjaga ketulenan kata-kata Nabi s.a.w. (4) Memberi keutamaan kepada perkara yang lebih penting.